

Senjata ke Bosnia dirunding dengan OIC

PETALING JAYA 24 Julai — Malaysia akan berunding dengan semua anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mengenai kesediaan negara ini untuk menjual senjata kepada Bosnia-Herzegovina.

Wakil Tetap Malaysia ke PBB, Tan Sri Razali Ismail berkata, langkah itu perlu kerana Malaysia tidak boleh bertindak secara bersendirian berhubung perkara itu dan amat memerlukan sokongan semua negara anggota OIC.

Serentak dengan itu, beliau berharap anggota OIC akan memegang kepada janji mereka yang dibuat semasa mesyuarat di Geneva, baru-baru ini.

Beliau, menyatakan demikian kepada para pemberita selepas mempengerusikan satu sesi seminar mengenai *Multilateralisme dan Malaysia* di Institut Diplomas dan Hubungan Luar Negeri di sini, hari ini.

Seminar sehari itu dirasmikan oleh Timbalan Menteri Luar, Dr. Leo Michael Toyad.

Pada Sabtu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan kesediaan Malaysia menjual senjata kepada Bosnia dan menyifatkan sekatan senjata yang menafikan rakyat Bosnia daripada mempertahankan diri sebagai "ketidakadilan yang sangat nyata."

Razali menambah, Malaysia juga berharap bahawa semua negara OIC akan bekerjasama untuk mendesak supaya sekatan senjata oleh Majlis Keselamatan PBB ke atas Bosnia adalah tidak sah dan mesti ditarik balik.

Dalam hubungan ini, katanya, Malaysia tidak perlu menjelaskan mengenai pendiriannya kepada Majlis Keselamatan PBB.

Ini, tegas beliau, kerana Malaysia sudah menjelaskan pendirian bahawa rakyat Bosnia harus diberikan hak untuk mempertahankan diri daripada puak Serb.

Razali menganggap langkah kerajaan untuk menjual senjata kepada Bosnia adalah wajar kerana sudah sampai masanya negara itu diberi hak untuk mempertahankan diri mereka.

Ditanya kemungkinan Barat mengenakan tindakan terhadap Malaysia berikutan kesediaan menjual senjata kepada Bosnia, katanya, setakat ini belum ada sebarang tindakan tetapi negara perlu bersedia dan mengambil langkah berjaga-jaga terhadap kemungkinan itu.

Terdahulu, dalam ucapannya Toyad berkata Malaysia "tidak melarikan diri daripada PBB" kerana isunya bukan mengenai PBB tetapi bagaimana Majlis Keselamatan PBB menangani konflik di Bosnia.

Beliau berkata, rekod prestasi Majlis Keselamatan dalam menangani konflik di negara Balkan itu sangat mengecewakan.

Mengenai kemungkinan tindak balas negara-negara Barat terhadap Malaysia, beliau berkata jika mereka memahami bahawa Malaysia hanya mencuba mencari jalan terbaik menyelesaikan konflik itu, soal tindak balas tidak timbul.

"Apa yang Malaysia mahukan ialah keaman-

an dan kestabilan di rantau itu dan akan menyampaikan pendiriannya di forum-forum antarabangsa sebanyak yang mungkin," katanya.

Sementara itu Pengarah Just World Trust (JUST), Dr. Chandra Muzaffar ketika ditemui pada majlis tersebut berkata, Malaysia perlu mendapatkan sokongan dan kerjasama dari negara-negara Islam bagi melaksanakan rancangannya untuk menjual senjata kepada Bosnia.

"Sokongan ini penting kerana ini menunjukkan negara-negara Islam benar-benar berhasrat untuk melaksanakan penjualan senjata ini.

"Sekiranya kerjasama ini dapat dilaksanakan, negara-negara Barat kemungkinan akan bertindak dengan lebih tegas terhadap pengganas-pengganas Serb kerana mereka takut tindakan negara-negara Islam itu akan menggugat kewibawaan mereka," katanya.

Beliau percaya negara-negara Barat tidak mungkin akan bertindak terhadap Malaysia.

"Sekiranya mereka bertindak juga terhadap Malaysia mereka akan dicap tidak melakukan keadilan kerana ini merupakan satu penganiayaan, terutama kepada negara-negara Islam.

"Kedudukan Malaysia di PBB juga tidak akan berubah walaupun Malaysia melaksanakan penjualan senjata kepada Bosnia," katanya.